



# *Penghormatan terhadap Pekerja*

## **12 Prinsip**

Januari 2016

## **Pengenalan**

Prinsip-prinsip Tiada Eksploitasi TFT bertujuan untuk menghormati hak-hak masyarakat, penduduk asal dan pekerja yang berada dalam segala rangkaian pembekalan.

**Prinsip Penghormatan TFT - 12 prinsip** membincangkan dengan khususnya hak-hak pekerja dan perlindungan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Satu siri garis Panduan Penghormatan menerangkan apa yang dikehendaki di tempat kerja secara terperinci, mengikut kumpulan hasil pengeluaran.

Prinsip-prinsipnya:

- merangkumi syarikat, pembekal barangan serta subkontraktornya
- merangkumi semua pekerja, termasuk pekerja kontrak, pekerja sementara, pekerja subkontrak serta pekerja asing
- merangkumi semua tapak kerja, akan tetapi penggunaan di ladang-ladang pekebun kecil akan berbeza (set peralatan Tiada Eksploitasi yang akan datang akan memperincikan pelaksanaan yang disesuaikan kepada saiz tapak kerja)
- adalah selaras dengan undang-undang tempatan di kebanyakan negara dan juga dengan piawaian antarabangsa.

Garis panduan ini memperakui dan menghormati Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.



**1. *Buruh kanak-kanak tidak digunakan***

Buruh kanak-kanak tidak digunakan ataupun dipromosikan dan langkah-langkah yang sewajarnya akan diambil untuk mencegah penggunaan buruh tersebut.

**2. *Tiada buruh paksa atau terikat***

Buruh paksa, buruh terikat dan penyeludupan manusia tidak digunakan ataupun dipromosikan, dan langkah-langkah yang sewajarnya diambil untuk mencegah penggunaan buruh sebegini. Terdapat tindakan pemulihan sekiranya terdapat buruh atau aktiviti penyeludupan, untuk memastikan mangsa dirujuk kepada perkhidmatan yang sedia ada untuk mendapatkan sokongan dan bantuan.

**3. *Amalan pengambilan pekerja beretika digunakan***

Amalan pengambilan adalah telus dan adil, dan pengambilan pekerja secara langsung adalah digalakkan.

**4. *Kesihatan dan keselamatan pekerja dilindungi***

Pekerja dilindungi daripada pendedahan kepada keadaan kerja yang mungkin menimbulkan risiko kecederaan kekal, penyakit atau kematian.

**5. *Kontrak pekerjaan disediakan untuk semua pekerja***

Semua pekerja diberi secara bertulis, dalam bahasa yang difahami, butiran keadaan kerja, termasuk secara minimum, sifat kerja yang akan dijalankan, kadar gaji dan cara pembayaran gaji, waktu kerja, cuti rehat dan cuti lain, dan faedah lain pekerjaan.

**6. *Upah gaji memenuhi keperluan undang-undang atau kebiasaan negara sebagai upah gaji minima***

Semua pekerja dibayar upah gaji yang sama dengan atau melebihi upah gaji minima menurut undang-undang.

**7. *Waktu kerja memenuhi keperluan undang-undang dan tidak berlebihan***

Semua pekerja (termasuk pekerja berkadar) tidak bekerja lebih dari tempoh maksimum undang-undang negara; tempoh kerja lebih masa adalah secara sukarela dan pekerja mempunyai sekurang-kurangnya satu hari cuti dalam tujuh hari.

**8. *Syarikat menghormati kepelbagaian dalam tenaga kerja***

Pekerja dilindungi dari sebarang diskriminasi yang melanggar hak asasi manusia; terdapat amalan kerja yang ditubuhkan untuk mencegah sebarang diskriminasi yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika; dan pekerja asing dilayan tidak secara kurang baik berbanding pekerja lain yang melaksanakan tugas-tugas yang sama.



**9. *Gangguan dan penderaan tidak diterima***

Terdapat polisi yang dilaksanakan untuk mencegah dan mengatasi gangguan dan penderaan, termasuk gangguan dan penderaan seksual.

**10. *Terdapat akses kepada penyelesaian yang jelas dan mudah diakses***

Pekerja di semua peringkat mempunyai akses kepada penyelesaian berkehakiman dan mekanisme rungutan yang boleh dipercayai tanpa membangkitkan rasa takut dituduh atau dipecat.

**11. *Penginapan adalah selamat dan bersih***

Apabila penginapan disediakan, ia adalah selamat, bersih dan keadaan adalah boleh diterima.

**12. *Kebebasan Berpersatuan dan hak untuk berunding secara kolektif dihormati***

Semua pekerja, tanpa mengira pangkat atau gred kerja, mempunyai hak untuk menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka, dan untuk berunding secara kolektif. Apabila hak kebebasan berpersatuan dan berunding secara kolektif dihadkan di bawah undang-undang, saluran yang seumpamanya untuk bebas berpersatuan dan berunding disediakan kepada semua pekerja.

